

SYARAT SYARAT PENYEWAAN DAN PENGGUNAAN DEWAN SERI KENANGAN
DI BAWAH KAWALAN JABATAN DAERAH TUTONG

1. Pemohon/penyewa hendaklah memohon dalam tempoh tidak kurang *Satu (1) bulan* sebelum menggunakan dewan tersebut.
2. Keadaan di dalam dan luar dewan berkenaan hendaklah sentiasa berkeadaan baik, bersih dan selamat.
3. Segala kelengkapan yang ada di dalam dewan semuanya hendaklah sentiasa berkeadaan baik.
4. Surat ini hendaklah dibawa bersama untuk membuat pembayaran ke *Bahagian Kewangan Tingkat 2 Jabatan Daerah Tutong*.
5. Pembayaran (*Sewa*) sebanyak \$250.00 (*Ringgit: Dua Ratus Lima Puluh Sahaja*) secara *TUNAI* hendaklah dijelaskan terlebih awal sebelum menggunakan dewan tersebut. *Wang Taruhan sebanyak \$100.00 (Ringgit: Satu Ratus Sahaja)* secara *Tunai dan pembayaran sewa/taruhan hendaklah dijelaskan dua minggu sebelum penggunaan Dewan ke Bahagian Kewangan Jabatan Daerah Tutong*. *Jika gagal menjelaskan pembayaran dalam masa dua minggu tanpa alasan permohonan tersebut akan di batalkan. Wang cagaran tersebut adalah bagi pembayaran denda atas kesalahan dalam menjaga kebersihan yang tidak memuaskan selepas pemakaian dewan dan bagi sebarang kos ganti rugi disebabkan kerosakan peralatan/kelengkapan/perkakas dewan semasa tempoh peminjaman tersebut. Wang taruhan akan dikembalikan jika jabatan ini berpuas hati dengan keadaan dan kebersihan dewan selepas penggunaannya.*
6. Tidak dibenarkan menyambung sebarang pendawaian elektrik tanpa kebenaran.
7. Pemohon/penyewa adalah dimestikan menggunakan karpet atau lapis yang bersesuaian bagi meletakkan kaki meja dan kerusi untuk mengelakkan sebarang kerosakkan pada lantai dewan.
8. Jabatan Daerah Tutong tidak membekalkan kelengkapan bagi pemohon/penyewa.
9. Pemohon/penyewa perlu menunjukkan resit/surat kebenaran/kelulusan sebelum menggunakan dewan dan sebarang kemudahan.
10. Jabatan Daerah Tutong tidak akan menyediakan kemudahan-kemudahan dewan kecuali yang disewakan sahaja.
11. Semua pengguna dikehendaki sentiasa menjaga kebersihan kawasan serta keselamatan peralatan yang digunakan. Sebarang kerosakan/kehilangan semasa tempoh penyewaan akan di pertanggungjawabkan kepada pemohon/penyewa.

12. Dilarang merokok di kawasan dalam dan luar dewan.
13. Untuk penganjuran sebarang aktiviti yang melibatkan pembinaan pentas, penganjur diminta menyediakan pelan dan memasang pelapik (Terraplas) di dalam kawasan dewan dan khalayak ramai.
14. Bagi kegiatan-kegiatan aktiviti yang memerlukan permit/lesen/kebenaran daripada Agensi-Agenzi yang berkaitan (contohnya Bahagian Perlesenan, Polis dan sebagainya) pemohon/penyewa hendaklah mendapat kebenaran pihak berkenaan terlebih dahulu.
15. Sebarang sepanduk (*banner*)/poster/papan tanda tidak dibenarkan untuk dipasang di mana-mana juga bahagian di kawasan dalam dan luar dewan kecuali mendapat kebenaran daripada Jabatan Daerah Tutong.
16. Talian elektrik tidak dibenarkan disambung keluar kecuali mendapat kebenaran daripada Jabatan Daerah Tutong dan Jabatan Perkhidmatan Elektrik.
17. Tidak dibenarkan membakar apa-apa juga bahan di mana-mana juga bahagian di kawasan dalam dan luar dewan.
18. Tidak dibenarkan aktiviti memasak di mana-mana juga bahagian di kawasan dalam dan luar dewan.
19. Dilarang membuang sampah dan sisa-sisa makanan dalam sinki dan lubang tandas serta aktiviti cuci mencuci di dalam tandas atau kawasan dewan.
20. Penyewaan dewan tidak akan dibenarkan bagi tujuan sebarang perhimpunan yang berbentuk politik, perjudian dan aktiviti yang diharamkan oleh Kerajaan.
21. Jabatan Daerah Tutong tidak bertanggungjawab atas sebarang kemalangan/kecederaan/kehilangan yang berlaku ke atas mana-mana individu atau harta benda sepanjang tempoh penggunaan/penyewaan.
22. Jabatan Daerah Tutong juga tidak bertanggungjawab di atas sebarang kerosakan/kehilangan mana-mana harta benda atau kenderaan yang diletakkan di perkarangan meletak kenderaan.
23. Pemohon/penyewa hendaklah mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan dan syarat-syarat yang akan dikenakan dari masa kesmasa oleh pegawai yang bertugas.
24. Pemohon/penyewa tidak dibenarkan menyewakan semula (*sublet*) kepada orang lain.
25. Penyewaan hanya ruang Dewan sahaja dan tidak termasuk bilik-bilik kecil yang ada.

....3/-

- Dewan ini hanya boleh menampung Occupancy Load (Keramaian Penghuni) Dewan di bawah kawalan Jabatan Daerah Tutong yang di luluskan oleh Pegawai Pemerintah Operasi ‘E’ Ibu Pejabat Bomba Cawangan Operasi ‘E’, Bomba Daerah Tutong berjumlah kapasiti muatan 640 orang (meja dan Kerusi), 1329 orang (kerusi sahaja) dan 1329 orang (berdiri sahaja).
26. **Pegawai Daerah Tutong berhak untuk menarik balik atau menolak sebarang permohonan dengan serta merta jika dewan digunakan atas sebab-sebab keperluan Kerajaan tanpa memperuntukan dewan/kawasan lain sebagai gantinya.**
27. **Pegawai Daerah Tutong berhak mengenakan sebarang peraturan-peraturan tambahan pada bila-bila masa tanpa memaklumkan kepada pemohon/penyewa.**

....4/-